

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Mukadimah

Perkembangan penterjemahan sari kata di Malaysia sama ada di kaca televisyen atau di pawagam dilihat semakin rancak dan memberangsangkan. Di negara kita, hampir semua rancangan berbahasa asing, termasuk rancangan berbahasa Inggeris, yang disiarkan di televisyen akan disertai oleh sari kata bahasa Melayu sementara tayangan filem di pawagam pula akan memaparkan sari kata bahasa Cina di samping sari kata bahasa Melayu.

Bidang penterjemahan sari kata yang tergolong di bawah bidang pemindahan atau pertukaran bahasa audiovisual ini masih belum dikaji dengan sewajarnya di Malaysia. Penterjemahan dalam bidang audiovisual boleh dibahagikan kepada dua: pertama, dalam bentuk visual, iaitu teks terjemahan ditindih di atas gambar dan proses ini dinamakan sari kata, dan kedua, dalam bentuk audio, iaitu alih suara daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Menurut Broadcasting Glossary, penyunting Pat Alexander, AMIC, Singapura (1989), **sari kata** ditakrifkan sebagai:

Printed dialogue or descriptive commentary superimposed on the screen to provide information in a language other than that on the soundtrack.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) memberi takrif sari kata sebagai “terjemahan dialog dalam filem yang disiarkan serentak dengan tayangan filem berkenaan” (:1192). Dengan erti kata lain, **sari kata** bolehlah ditakrifkan sebagai dialog atau pengucapan daripada suatu bahasa sasaran dalam sesebuah rancangan yang dibuat dalam bentuk tulisan dan ditindih di atas layar filem atau skrin televisyen serta bersinkronis dengan dialog atau pengucapan bahasa sumber. Biasanya sari kata ditulis dalam dua baris dan dipaparkan di bahagian bawah skrin. Penerbitan sari kata ialah suatu proses dan khidmat pasca penerbitan yang diberikan oleh penyiar rancangan kepada khalayak penontonnya. Aspek teknikal penerbitan sari kata akan diterangkan dengan lebih lanjut nanti.

Penterjemahan sari kata dilihat sebagai mempunyai tiga fungsi utama: pertama, supaya rancangan televisyen dan filem berbahasa asing yang ditayangkan di negara kita boleh ditonton dan difahami oleh segenap lapisan masyarakat; kedua, sebagai memenuhi tanggungjawab sosial negara walaupun tidak ditemui mana-mana peruntukan undang-undang yang menghendaki

stesen televisyen menyiarkan terjemahan sari kata untuk semua rancangan berbahasa asing di Malaysia, dan ketiga, membantu menambah bilangan rancangan yang disiarkan dan dapat dihayati oleh penonton memandangkan rancangan terbitan tempatan tidak dapat menampung jumlah jam siaran yang ditetapkan.

Di Malaysia, sehingga awal 1997, terdapat empat stesen televisyen yang sedang beroperasi dan menayangkan 29 rangkaian televisyen: Radio Televisyen Malaysia (RTM), Sistem Televisyen Malaysia Berhad¹ (TV3), City Television Sdn Bhd (MetroVision) dan MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd (ASTRO). Sehubungan dengan itu, 30% rancangan luar yang diimport masuk mencakupi rancangan berbahasa Inggeris (yang merangkumi 70% rancangan asing), bahasa Cina (Kantonis dan Mandarin), Hindi, Tamil serta sekali-sekala rancangan bahasa Arab, Perancis dan bahasa-bahasa lain.

Sari kata penting kerana terdapat sebahagian besar penonton yang tidak memahami langsung bahasa sumber dan mereka bergantung sepenuhnya pada pembacaan sari kata, manakala ada sebahagian penonton yang kurang fasih dengan bahasa asal juga harus bergantung kepada sari kata bagi memahami dialog dan jalan cerita.

¹ MegaTV adalah syarikat sekutu TV3 dan penyiaran sari kata bagi MegaTV setakat ini ditangani oleh Unit Terjemahan Bahagian Rancangan TV3.

Di peringkat global juga, kepentingan sari kata semakin ketara khususnya untuk golongan cacat pendengaran. Mereka masih dapat mengikuti jalan cerita yang disiarkan berdasarkan pembacaan sari kata yang dipaparkan. Selain itu, sari kata juga mula diperkenalkan dalam bidang pendidikan khususnya melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua.

Ada juga negara di dunia ini yang menyiarkan sari kata di televisyen bagi memenuhi peruntukan undang-undang. Di United Kingdom, Akta Penyiaran 1990 memperuntukkan bahawa 50% daripada keseluruhan rancangan yang disiarkan di ITV (salah sebuah rangkaian televisyen terkemuka di UK) dan Channel Four hendaklah diberi terjemahan sari kata menjelang bulan Januari 1998². Di Eropah, bidang penterjemahan sari kata dan alih suara memang telah lama diamalkan dan sangat meluas penggunaannya (Luyken, 1991; Ivarsson, 1993). Di Australia, stesen radio dan televisyen Special Broadcasting Services (SBS) merintis khidmat penterjemahan sari katanya sejak 15 tahun lalu dan kini dikenali sebagai “rangkaiian televisyen bersari kata” (Chalier, 1996). Negara Kanada dan beberapa negara Amerika Latin juga menyiarkan terjemahan sari kata di kaca televisyen mereka.

² Maklumat ini diperoleh melalui internet di talian: <http://ourworld.compuserve.com/homepages/JGardner/uktelevi.htm>

1.2 Sejarah Penterjemahan Sari Kata di Malaysia

Sejarah penayangan sari kata bermula daripada usaha pihak pemilik panggung yang menayangkan filem bersari kata³. Tujuannya supaya penonton filem boleh memahami dialog dan jalan cerita berbahasa asing yang ditayangkan dan dari segi ekonomi, filem bersari kata lebih digemari oleh penonton yang tidak memahami bahasa asal rancangan tersebut.

Stesen televisyen pertama di Malaysia yang juga milik penuh kerajaan, Televisyen Malaysia, telah memulakan siaran pada 28 Disember 1963. Berikutan langkah baik pihak swasta dalam industri perfileman yang menayangkan sari kata di filem, maka pihak Radio Televisyen Malaysia turut menyiarkan rancangan televisyen yang diberi terjemahan sari kata dan alih suara bermula pada tahun 1967 (Kartigesu, 1994) dan seterusnya diikuti oleh stesen televisyen lain di negara kita.

Temu bual dengan salah seorang daripada lapan orang perintis penterjemah sari kata untuk Televisyen Malaysia pada masa itu, Tuan Haji Mohd Zaini Ismail (kini bertugas di Jabatan Hal-Ehwal Undang-Undang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) menceritakan bahawa mereka diminta

³ Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Penyelia Penterjemahan Sari Kata RTM, Tuan Haji Mohd Yusof Khir. (komunikasi peribadi)

menterjemah sari kata untuk rancangan berbahasa Inggeris seperti *Ironside*, *Combat*, *Mission Impossible*, *The Avengers*, *Lassie* dan lain-lain serta dokumentari seperti *Science Report*. Kesemua mereka adalah penterjemah sambilan dan dibayar RM30.00 untuk setiap rancangan setengah jam dan RM60.00 untuk setiap rancangan satu jam. Masalah utama mereka ialah kekurangan istilah dan rujukan khususnya untuk bidang teknikal dan saintifik. Hanya kira-kira sepuluh tahun selepas itu iaitu pada tahun 1977, barulah RTM mengambil penterjemah sari kata sebagai kakitangan sepenuh masa.

Penubuhan stesen televisyen swasta pertama di Malaysia, iaitu Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) pada 1 Jun 1984 dan City Television Sdn Bhd (Metrovision) pada 18 September 1995 turut mengorak langkah yang sama dengan menyiarkan terjemahan sari kata untuk rancangan berbahasa asing. Pasti langkah yang sama akan disusuli oleh stesen televisyen baru seperti Mega TV dan Astro, serta yang akan muncul NTV7, akan memaparkan terjemahan sari kata untuk rancangan berbahasa asing yang disiarkan. Setidak-tidaknya Mega TV dan Astro diharap dapat menyiarkan sari kata untuk rancangan tertentu untuk peringkat permulaan, misalnya daripada rangkaian *HBO* dan *Discovery Channel*, andainya tidak dapat menyiarkan sari kata untuk kesemua rangkaian yang disiarkan.

Pada peringkat awal dan malah sehingga sekarang pun, hampir kesemua penyari kata di Malaysia tidak mempunyai kelayakan formal dalam penterjemahan sari kata tetapi belajar daripada pengalaman. Bidang latihan atau kursus⁴ yang khusus mendalami aspek penterjemahan sari kata adalah masih baru di Malaysia dan setakat ini belum ditawarkan oleh mana-mana institusi pengajian tinggi.

Setakat ini masih belum terdapat dasar khusus tentang penggunaan bahasa Melayu untuk sari kata televisyen, yang ada hanyalah untuk sari kata filem. Lembaga Penapis Filem Malaysia telah menguatkuasakan garis panduan tentang penggunaan bahasa Melayu dalam sari kata filem mulai 31 Ogos 1976:

(a) Tajuk utama, tajuk-tajuk episod, tajuk-tajuk kredit, kapsyen dan dialog serta sarikata-sarikata dalam apa-apa bahasa bukan bahasa Malaysia mestilah diterjemahkan dan disarikatakan dalam bahasa Malaysia sehingga sekurang-kurangnya 90% daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi filem cereka dan 80% bagi treler. ...

(b) Seboleh-bolehnya sarikata dalam bahasa Malaysia hendaklah di atas sarikata dalam bahasa-bahasa lain.

⁴ Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS) pernah menganjurkan Bengkel Terjemahan Skrip Sari kata dan Alih bahasa Televisyen, Filem dan Iklan pada 1-3 April 1989, manakala Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dengan kerjasama FINAS juga pernah menganjurkan Bengkel Penterjemahan Sari Kata selama 2 minggu (intensif) pada tahun 1994 dan 1995.

(c) Semua sarikata dalam bahasa Malaysia mestilah diterjemahkan dengan nahu yang betul dengan menggunakan sistem ejaan baru.⁵

Peraturan ini termasuk sarikata untuk lagu yang dimainkan dalam filem tersebut dan ringkasan cerita pada permulaan sesebuah filem. Selain itu, nama-nama tempat dan negara hendaklah diterjemahkan dengan sewajarnya. Sungguhpun demikian, penggunaan kependekan dibenarkan asalkan maknanya masih difahami ramai, misalnya kependekan untuk "Datang = Dtg", "Daripada = Drpd.", "Dengan = Dgn." dan sebagainya.

1.3 Penerbitan Sari Kata

Pertama sekali kita kaji proses penerbitan sari kata dan tatacara kerja penyari kata seperti yang diamalkan di stesen-stesen televisyen di Malaysia. Ini memberi kita maklumat latar belakang dan kefahaman tentang bagaimana proses penerbitan sari kata itu sedikit sebanyak mempengaruhi hasil dan mutu terjemahan sari kata.


RTM dan TV3, misalnya, meletakkan semua komputer kerja mereka di dalam dua buah bilik bagi kegunaan semua penyari kata. Sistem penerbitan

⁵ Petikan daripada Surat Lembaga Penapis Filem, rujukan (32) dlm LPF: 89A Jil. I bertarikh 14 November 1977.

sari kata yang merangkumi perkakasan dan perisian komputer yang digunakan bagi memasukkan data dan menerbitkannya semula berbeza daripada satu stesen dengan stesen lain. Pada dasarnya, sistem yang digunakan di RTM adalah sama seperti di MetroVision, iaitu sistem yang disebut "*ScanTitling*" manakala sistem yang diamalkan di TV3 dan ASTRO adalah sama, iaitu yang digelar "*Screen Subtitling PU 2020*". Walau bagaimanapun, kedua-dua sistem ini menggunakan teknologi digital automatik sepenuhnya dan turut digunakan secara meluas di stesen televisyen di Eropah dan negara lain di seluruh dunia.

Sistem ScanTitling, seperti yang digunakan oleh RTM dan MetroVision, merupakan perkakasan dan perisian yang dimajukan oleh teknologi dari negara Sweden. Scantitling dikeluarkan oleh Cavena Image Products, Sweden.⁶ Sistem ini merangkumi sebuah monitor TV, sebuah pemain video, satu set komputer peribadi, sebuah perkakasan unit penyediaan sari kata yang mempunyai pembaca kod masa dan perisian ScanTitling. Peralatan tambahan yang diperlukan ialah fon telinga dan pita video rancangan (dalam bentuk VHS) yang perlu diterjemahkan. Fon telinga, yang disambungkan ke TV atau perakam VHS, digunakan supaya audio tidak mengganggu penyari kata lain melakukan tugas dalam bilik kerja mereka. Sistem ini dipaparkan dalam rajah di bawah:

⁶ Maklumat lanjut berhubung syarikat ini boleh diperolehi melalui internet pada talian: <http://www.cavena.se/>



Rajah 1.1: Sistem Unit Persediaan dan Penterjemahan

Sari Kata *ScanTitling*


Setelah merujuk jadual tugas untuk menentukan judul rancangan yang perlu diterjemahkan, penyari kata harus memperoleh pita rancangan yang perlu diterjemah tersebut, yang sudah dirakam dalam bentuk VHS. Penyari kata akan memainkan pita video tersebut pada pemain VHS. Gambar akan kelihatan di skrin TV. Rancangan tersebut harus ditonton dengan memberi sepenuh tumpuan sekurang-kurangnya sekali sambil membuat catatan maklumat penting yang terdapat dalam cerita tersebut, misalnya nama orang, nama tempat dan lain-lain. Skrip asal rancangan tersebut, sekira ada, banyak membantu penyari kata membuat terjemahan. Langkah seterusnya ialah menterjemah sambil menaip terus sari kata ke komputer dan ayat ini akan terpapar di skrin komputer serta di bahagian bawah skrin TV. Skrin komputer turut memaparkan ayat sari kata sebelumnya, nombor terjemahan dan kod

masa bagi setiap kerangka gambar. Saiz aksara, jenis font, bilangan dan kedudukan sari kata sudah diprasetkan dan diselaraskan untuk semua komputer. Setelah selesai menterjemah, penyari kata akan menyemak semula terjemahan sambil merekodkan ayat sari kata mengikut kod masa dan kerangka visual masing-masing, dengan ketepatan sehingga seperatus saat. Sekiranya penyuntingan dilakukan, data ini juga boleh diperoleh secara langsung daripada pacuan cakera keras komputer dan pembaikan yang dilakukan boleh terus dikemas kini dan disimpan di komputer. Data ini akan disimpan dalam komputer tersebut, yang juga mempunyai talian terus dengan komputer di bilik hubungan. Apabila tiba masa siaran, juruteknik di bilik hubungan akan memuat turun data dan siaran sari kata akan ditayangkan secara digital.

Sistem PU 2020 seperti yang digunakan oleh stesen TV3 dan Astro pula berlainan sedikit daripada sistem ScanTitling. Sistem Screen Subtitling PU 2020 adalah teknologi canggih keluaran Screen Electronics Ltd, England.⁷ Berbeza dengan ScanTitling, sistem PU 2020 cuma memerlukan satu monitor sahaja, sama ada monitor komputer (seperti yang diamalkan di TV3) atau monitor TV (seperti di Astro). Peralatan yang diperlukan ialah sebuah monitor (sama ada monitor komputer atau monitor TV), sebuah pemain video

⁷ Butiran terperinci seperti spesifikasi PU2020 dan produk lain keluaran syarikat ini boleh diperoleh melalui <http://www.screen.subtitling.com/> di internet.

VHS, perisian PU 2020 di dalam cakera keras dan papan kekunci, selain peralatan tambahan seperti fon telinga dan pita video rancangan. Sistem ini ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.2 di bawah:



Rajah 1.2: Sistem Penyediaan Sari Kata PU 2020

Sistem PU 2020 mempunyai paparan video “gambar-dalam-gambar”, iaitu visual dari video rancangan hanya memenuhi kira-kira 70% skrin monitor, manakala di bahagian kiri kanan visual tersebut dipaparkan kod masa dan maklumat lain. Bahagian bawah skrin pula memaparkan ayat terjemahan sari kata yang dibuat. Ertinya, apabila pita video dimainkan, penyari kata cuma memberi tumpuan kepada sebuah skrin monitor sahaja dan semua

maklumat sudah dipaparkan padanya. Seperti juga penggunaan ScanTitling, penyari kata harus menonton rancangan tersebut terlebih dahulu untuk menghayati keseluruhan jalan cerita. Seterusnya, terjemahan sari kata akan ditaip terus ke komputer dan kemudian, disemak dan direkodkan ayat sari kata mengikut kod masa kerangka visual. Di TV3, data akan disimpan di dalam disket liut 3.5". Sebelum waktu siaran rancangan tersebut, disket tersebut perlu dihantar ke bilik hubungan untuk dimuat turun dan digunakan semasa siaran.

Walau apa pun, tatacara penyediaan sari kata bagi kesemua stesen pada asasnya adalah sama sahaja. Tatacara penyediaan sari kata bermula dengan penjadualan dan pembahagian tugas yang akan dilakukan oleh Ketua Unit Terjemahan masing-masing. Biasanya penjadualan dibuat dan diganti secara berkala: TV3 menukar jadual tugas setiap bulan manakala RTM setiap dua bulan. Tujuannya supaya setiap orang penyari kata dapat menterjemah pelbagai rancangan dan tidak akan merasa bosan menyari kata rancangan yang sama sahaja, di samping bagi memastikan pembahagian tugas dilakukan dengan adil. Bagi pihak RTM pula, ini memudahkan penyari kata, yang kebanyakannya bertugas secara sambilan, merancang kerja dan membahagi masa mereka. Jadual tugas ini akan diedarkan kepada penyari kata untuk makluman semua. Sayogia diingatkan bahawa Unit atau Bahagian Penterjemahan ini hanya ditugaskan menyiapkan sari kata untuk rancangan

berbahasa asing tetapi tiada kuasa memilih, menentukan atau menjadualkan rancangan mana yang harus disiarkan oleh stesen televisyen tersebut.

Setelah memperoleh jadual tugas masing-masing, ada penyari kata akan mencari skrip asal rancangan sebelum memulakan sebarang tugas lain. Ada pula akan mencari skrip selepas perolehan pita video rancangan atau selepas pratonton dibuat. Penyari kata juga harus mencari pita video rancangan yang perlu diterjemahkan dan memastikan rancangan tersebut menepati judul dan nombor episod yang betul. Pita ini biasanya ditempatkan di dalam kabinet di Bahagian Penterjemahan masing-masing. Di TV3 dan MetroVision, skrip asal diletakkan di Bahagian Penterjemahan itu sendiri manakala di RTM, skrip disimpan oleh bahagian lain di tingkat lima. Skrip asal banyak membantu penyari kata menterjemah khususnya untuk merujuk ayat, frasa atau kata yang sukar difahami dengan sekali dengar sahaja, contohnya kata kiasan, slanga, jargon dan istilah teknikal. Masalah ini akan kita bincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian 5.2 nanti.

Langkah seterusnya ialah pratonton, dengan memberi tumpuan sepenuhnya. Ini penting bagi memastikan penyari kata benar-benar menghayati dan memahami jalan cerita rancangan tersebut. Sekiranya skrip ada, mereka harus mencatat di bahagian mana ayat itu bermula dan berakhir (*spotting*). Jika perlu, mereka juga harus membuat catatan, misalnya nama

watak, nama bandar, nama tempat dan sebagainya. Nama watak boleh diperoleh pada peringkat awal tayangan (*teaser*) atau semasa akhir rancangan (*credits*). Ketelitian ini penting kerana ejaan nama khas itu adalah unik, contohnya: Jeff, Jefri, Jeffri, Jeffry, Jeffrey, Geoffrey atau Geoffrey. Mereka juga harus memperoleh makna yang betul bagi setiap kata dan ayat, mengikut konteks cerita. Sebagai contoh, kata "*charge*" dalam bahasa Inggeris boleh dipadankan kepada sekurang-kurangnya tujuh makna dalam bahasa Melayu: "**caj**" sekiranya merujuk soal bayaran atau perbankan; "**cas**" untuk bidang elektrik atau fizik; "**jagaan atau tanggungan**" bagi menerangkan tanggungjawab; "**arahan**" pula mengambil kira hal berkaitan perintah; "**tuduhan**" bagi konteks undang-undang; "**serbuan atau serangan**" apabila polis atau tentera melakukan operasi; malah mungkin juga membawa makna "**isian ubat bedil**"! Jelas, bahasa Melayu tidak miskin kata. Penyari kata juga menjadi "penapis" terakhir bagi pihak stesen televisyen tersebut dan harus memaklumkan kepada ketuanya atau kepada bahagian lain yang berkenaan sekiranya terdapat babak atau dialog yang tidak mematuhi perintah dan peraturan Lembaga Penapis Malaysia.

Setelah pratonton, barulah kerja menyari kata dilakukan. Proses menyari kata akan disentuh dalam Bahagian 2.7 nanti. Kerja menyari kata dibuat ayat demi ayat dan bukan kata demi kata. Pada peringkat ini, skrip asal banyak membantu sekiranya terdapat bahagian yang tidak begitu jelas

didengar, walaupun audionya sudah diulang beberapa kali. Penyari kata juga merangkap seorang jurutaip. Kepantasan menaip banyak membantu penyari kata menyiapkan tugas dengan lebih cepat dan cekap. Walau bagaimanapun, kepantasan menyiapkan terjemahan sari kata sesebuah rancangan bukan saja bergantung pada kepantasan menaip tetapi juga ketrampilan penyari kata memahami konsep dan konteks rancangan, pengalaman dan latar belakang penyari kata, jenis rancangan, kesediaan skrip, tempoh masa yang diberikan, kesediaan komputer dan banyak lagi, di samping tiada gangguan luar seperti terputus bekalan elektrik. Biasanya, rancangan dokumentari mengambil masa yang lebih lama untuk diterjemah berbanding komedi semasa atau rancangan lain. Bagi sebuah rancangan dokumentari selama setengah jam, seseorang penyari kata mungkin mengambil masa antara empat hingga lapan jam untuk menyiapkannya.

Setelah selesai menterjemah, langkah seterusnya ialah menyemak sari kata tersebut dan merekodkan ayat sari kata mengikut kod masa kerangka visual. Penyemakan ini penting kerana selain menyemak ejaan atau tatabahasa yang salah, penyari kata juga boleh meringkaskan ayat supaya sesuai dengan pemasaan sesuatu babak tersebut. Sari kata yang terlalu panjang untuk sebuah babak yang pendek menunjukkan penyari kata itu masih belum dapat menguasai ketrampilan menyari kata atau menyari ayat. Penguasaan kosa kata bahasa Melayu yang sangat baik amat diperlukan, ertinya sesuatu ayat itu


boleh diolah dan diungkapkan dengan pelbagai cara tanpa menjejaskan makna dan mesej yang mahu disampaikan. Permulaan ayat harus dimasukkan tepat pada masa ujaran dibuat dan dipadamkan apabila tamat ujaran atau apabila babak lain mula ditunjukkan. Semua data ini kemudian disimpan sama ada di dalam komputer itu juga atau ke dalam disket, untuk digunakan semasa siaran nanti. RTM menggunakan komputer bertalian terus di antara komputer di bilik kerja penyari kata dengan komputer di bilik hubungan, bertujuan mengelakkan jangkitan virus dan mengurangkan penggunaan disket.

Bagi mengawal mutu terjemahan sari kata, kerja yang sudah siap ini harus disunting. Sungguhpun demikian, rancangan yang dijadualkan terlalu lewat atau pindaan rancangan pada saat-saat akhir, selalunya tidak dapat disunting akibat kesuntukan masa. Walau bagaimanapun, amalan kawalan mutu ini tidak diamalkan dengan bersungguh-sungguh oleh kebanyakan stesen televisyen.

Data yang lengkap ini kemudian akan diserahkan kepada juruteknik di bilik hubungan supaya dapat disiarkan serentak dengan siaran rancangan tersebut ke udara. Ini bermakna, setiap baris sari kata itu sebenarnya hanya ditindih di atas skrin dan bukannya dirakam langsung ke pita, seperti untuk sari kata filem. Teknologi digital canggih ini lebih memudahkan penyari kata. Sebelum ini, tugas menerbitkan sari kata dibuat secara manual, baris

demi baris, dan bermakna penyari kata itu harus berada di bilik hubungan semasa siaran berlangsung, tidak kira jam berapa pun.

Tatacara penyediaan dan penterjemahan sari kata ini berbeza sedikit daripada tatacara penarikataan bukan digital (Mariam, 1993) serta yang diamalkan di Eropah (Luyken, 1991). Tatacara seperti yang diamalkan di Malaysia buat masa ini bolehlah dirumuskan seperti dalam carta alir Rajah 1.3.



Rajah 1.3: Tatacara penyediaan dan penyarikataan

1.4 Pernyataan Masalah

Seperti pada Jadual 1.1, sehingga awal tahun 1997, terdapat 4 rangkaian televisyen percuma (RTM 1, RTM 2, TV3 di peringkat nasional dan Metrovision di Lembah Kelang) dan 2 stesen kabel dan satelit berbayar (Mega TV, 5 saluran dan Astro, 20 saluran), iaitu berjumlah 29 saluran. Jumlah waktu siaran yang menayangkan rancangan untuk kesemua rangkaian televisyen di Malaysia dianggarkan mencecah 4,711 jam seminggu manakala anggaran jumlah jam rancangan yang perlu disarikatakan ialah 140 jam seminggu. Walau bagaimanapun, rancangan di Mega TV dan Astro masih belum menayangkan rancangan bersari kata sepenuhnya.

Stesen TV	Bilangan rangkaian	Jumlah jam siaran sehari	Jumlah jam siaran seminggu	Jumlah jam ranc. bersari kata seminggu (anggaran)	Peratus ranc. bersari kata
RTM	2	19	266	60	22.6
TV3	1	19	133	42	31.6
Metrovision	1	16	112	38	33.9
Mega TV	5	24	840	6**	-
ASTRO	20	24	3,360	0#	-
Jumlah	29		4,711	140	

Sumber: Intisari rancangan di akhbar harian

* Data diperoleh daripada Penyelia Penterjemahan stesen TV berkenaan

** Setakat ini Mega TV hanya menyiarkan sari kata untuk rancangan Hindi dan Tamil sahaja manakala terjemahan sari kata untuk rancangan bahasa lain belum dimulakan lagi.

Astro masih belum menayangkan terjemahan sari kata untuk mana-mana bahasa setakat ini.

**Jadual 1.1: Jumlah jam siaran rancangan bersari kata
di televisyen mengikut stesen di Malaysia**

Walau bagaimanapun, mutu penterjemahan sari kata dikatakan mula diabaikan dan semakin kerap kesilapan yang ditemui. Tahap pemahaman dan penguasaan bahasa Inggeris yang semakin baik di kalangan warga Malaysia secara tidak langsung menjadikan semakin ramai pembaca sari kata lebih teliti dan peka terhadap apa jua kesalahan dan kesilapan terjemahan sari kata tersebut, khususnya yang membabitkan makna ayat atau perkataan daripada bahasa sumber yang mereka fahami. Hal ini pernah dibincangkan dalam Bengkel Bahasa Malaysia dalam Media Am pada 20 hingga 21 Oktober 1981 anjuran Persatuan Wartawan Wanita Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka (Asiah, 1991). Perkara ini ditimbulkan kerana wujud kebimbangan bahawa mutu bahasa Malaysia akan terus tercemar. Akhbar juga tidak kurang memperkatakan tentang mutu terjemahan sari kata yang dikatakan “memalukan” dan “*ludicrous*”. Lampiran A memaparkan petikan akhbar yang menyiarkan pandangan orang ramai dan wartawan tentang mutu penterjemahan sari kata buat masa ini. Timbul persoalan sama ada pandangan orang ramai ini berpunca daripada sikap prihatin mereka yang ikhlas ataupun kerana mereka tidak faham hambatan dan masalah yang dihadapi oleh penterjemah sari kata. Lantaran itu penulis terpanggil untuk mengkaji permasalahan penterjemahan sari kata ini.

Sesungguhnya terdapat jurang antara idealisme dan hakikat penterjemahan sari kata televisyen di Malaysia. Ini kerana kedua-dua perkara ini mencerminkan dua aspek yang berlainan, yang satu melihat penterjemahan sari kata yang unggul dan ideal manakala yang satu lagi menangani karenah dan realiti penterjemahan sari kata itu sendiri.

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah mengkaji dan membandingkan kaedah penterjemahan sari kata yang paling sesuai untuk menterjemah sari kata. Bagi memudahkan kajian, dua genre rancangan, iaitu rancangan dokumentari dan komedi semasa, digunakan sebagai contoh untuk menunjukkan masalah penterjemahan sari kata yang dihadapi secara umum dan masalah yang dihadapi oleh kedua-dua genre tersebut secara khusus. Daripada data yang dipilih, kajian ini membuat perbandingan ciri-ciri persamaan dan perbezaan kaedah penterjemahan sari kata rancangan dokumentari dan komedi semasa bagi rancangan televisyen di Malaysia.

Selain itu, objektif kedua adalah mengkaji bagaimana proses penterjemahan sari kata berlaku dengan melihat proses penterjemahan dan proses interpretasi. Berpandukan rumusan ini, satu kerangka proses

penterjemahan sari kata dapat dihasilkan sebagai asas memahami aspek teori penterjemahan sari kata.

1.6 Bidang dan Batasan Kajian

Memandangkan kajian ini dilakukan secara penyelidikan deskriptif maka sudah tentu terdapat beberapa batasan yang dihadkan dalam kajian ini. Ini bertujuan supaya kajian ini memberi tumpuan yang lebih dan menyeluruh terhadap bidang kajian dan pada masa yang sama, membuka ruang untuk kajian lain dan lebih lanjut terhadap bidang penterjemahan sari kata ini.

Pertama, kajian ini memberi tumpuan kepada aspek penterjemahan sari kata televisyen sahaja, tidak termasuk sari kata filem dan video. Filem bermaksud tayangan gambar yang ditayangkan di pawagam dan panggung mini manakala video termasuklah video korporat dan pita video wayang dari luar negara. Ini dilakukan kerana rancangan televisyen mempunyai lebih ramai penonton dan boleh ditonton oleh segenap lapisan masyarakat yang memiliki set televisyen di rumah mereka. Sari kata di televisyen juga lebih banyak dihasilkan memandangkan jumlah jam siaran yang ke udara setiap minggu. Selain itu, data bagi rancangan televisyen, termasuk rakaman visual

dan salinan skrip, lebih mudah diperoleh berbanding rancangan filem dan video.

Kajian ini juga terbatas kepada terjemahan sari kata sahaja, tidak termasuk terjemahan untuk alih suara. Sungguhpun kedua-dua aspek ini membabitkan proses dan tugas penterjemahan namun dari segi teknikal dan kekangan yang dihadapi, terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-duanya (Luyken, 1991). Terjemahan alih suara harus mengambil kira gerakan bibir dan bilangan kata yang digunakan supaya sinkronis dengan pertuturan dialog daripada bahasa asal. Alih suara juga membabitkan kos yang lebih tinggi kerana selain penggunaan bilik rakam suara, sekumpulan pengalih suara juga dikehendaki hadir bersama untuk sesi rakam suara.

Di samping itu, kajian ini terbatas kepada penyelidikan ke atas rancangan sindiket atau rancangan import berbahasa Inggeris sahaja. Dengan itu, terjemahan sari kata untuk rancangan berita dan majalah, misalnya dialog temu bual, tidak akan diambil kira. Ertinya, kajian ini tidak termasuk terjemahan untuk berita luar negeri yang dihantar oleh agensi berita luar negara dan berita atau rancangan majalah terbitan tempatan untuk siaran berita bahasa Melayu. Petikan berita yang diterima daripada agensi berita luar negara biasanya sudah diterjemah oleh pihak Bernama, iaitu agensi berita kebangsaan.

Bagi tujuan kajian ini, rancangan yang dipilih adalah rancangan berbahasa Inggeris ke bahasa Malaysia sahaja, tidak termasuk rancangan untuk bahasa lain, walaupun televisyen di Malaysia turut menyiarkan siri drama Cina setiap hari dan tayangan gambar Cina, Hindi dan Tamil setiap minggu. Ini kerana hampir 70% rancangan asing yang disiarkan melalui kaca televisyen setiap minggu adalah bersumberkan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, teori yang diterapkan untuk terjemahan sari kata adalah sama tidak kira apa jua bahasa yang digunakan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting kerana sehingga ke hari ini masih belum pernah dibuat kajian ilmiah secara mendalam tentang penterjemahan sari kata di Malaysia, sedangkan penggunaannya sangat meluas di negara kita. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan Kementerian Penerangan, purata penonton TV di Malaysia pada tahun 1994 ialah 10.462 juta orang yang meliputi seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak (Information Malaysia, 1996). Siaran televisyen RTM1, RTM2 dan TV3 boleh diterima bukan sahaja di seluruh negara tetapi juga di Indonesia, Singapura, Brunei, selatan Thailand, Filipina, malah hingga ke Sri Lanka!

Bukan itu sahaja, negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei turut memaparkan terjemahan sari kata untuk rancangan berbahasa asing yang disiarkan di televisyen di negara masing-masing.

Sesungguhnya, memang menjadi hasrat penulis agar kajian ini dapat dijadikan sebagai pedoman dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penyari kata di Malaysia. Diharapkan kajian ini juga dapat meningkatkan mutu penterjemahan sari kata di negara kita dan melahirkan penyari kata yang berwibawa. Hasrat ini tercetus berikutan minat dan pengalaman penulis sendiri yang pernah menjadi penterjemah sari kata.